

# Pindah mangsa banjir lebih awal

## Strategi APM lancar proses menyelamatkan

SINAR HARIAN (SENTRAL) 28 NOV 2016 m/s 36

■ DIANA SURYA ABD WAHAB

**KUANTAN** – Strategi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) memindahkan penduduk yang berada dalam kawasan berpotensi dilanda banjir lebih awal sebelum berlaku bencana tersebut dijangka dapat melancarkan lagi proses menyelamatkan dijalankan.

Pemangku Ketua Pesuruhjaya Yang Amat Setia Pesuruhjaya APM, Datuk Selamat Dahalan berkata, strategi dan modus operandi baharu tersebut akan dilaksanakan bagi menghadapi musim tengkujuh yang dijangka bermula Disember depan.

Katanya, lokasi bencana banjir dan pusat pemindahan sudah pun dikenal pasti di seluruh negara lebih awal bagi memudahcarakan bantuan pemindahan tersebut agar menjadi lancar.

“Kalau sebelum ini kita pindahkan mangsa semasa dan selepas banjir berlaku jadi ia dilihat ada ketika agak kelam kabut kerana ketidakcukupan aset, tenaga kerja dan pelbagai masalah lain.

“Namun pada kali ini kita telah pun kenal-pasti pusat-pusat pemindahan dan lengkapkan dengan stok makanan dan segala kelengkapan yang perlu.

“Apabila dijangkakan banjir berlaku berdasarkan ramalan, pemerhatian dan sebagainya jadi kita akan arahkan anggota untuk me-

mindahkan penduduk namun terpulang pada mereka sama ada ke pusat pemindahan yang telah disediakan atau mana-mana pusat tempat perlindungan pilihan mereka,” katanya kepada pemberita dalam satu sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Seminar Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) kali kelima 2016 di Universiti Malaysia Pahang, di sini, semalam.

Turut hadir Penolong Pesuruhjaya Kehormat (Pertahanan Awam) merangkap Komandan Kor Sispa UMP Profesor Dr. Masitah Mohd Yusoff dan Naib Cancellor UMP Profesor Datuk Daing Nasir Ibrahim.

Seminar tersebut disertai kira-kira 300 peserta daripada 10 institusi pendidikan tinggi dan pihak APM serta sejumlah 17 kertas kerja telah dibentangkan merangkumi pelbagai aspek dalam memantapkan pengurusan bencana.

Dalam pada itu, beliau berkata, langkah awal tersebut dijangka dapat mengurangkan masalah kerana secara tidak langsung penduduk dapat menyelamatkan diri, kenderaan dan harta benda lebih awal sekali gus mengurangkan kerugian akibat bencana.

“Segala persiapan daripada segi aset dan keanggotaan sudah dipersiapkan siagakan. Saya percaya peranan APM yang mempunyai anggota melebihi satu juta sukarelawan di seluruh negara,” katanya.



Seramai 300 peserta dari 10 universiti tempatan hadir ke Majlis Penutup Seminar Kebangsaan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) kali kelima 2016 di Universiti Malaysia Pahang, di sini, semalam.